



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR,
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR,
TINGKAT 12-14 WISMA SUNWAY,
JALAN TENGKU AMPUAN ZABEDAH C9/C,
SEKSYEN 9, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR
TEL.: 03-55214000 FAKS: 03-55194788



BILIK KAWALAN: 03-55197233
TALIAN ADUAN: 012-2241640
LAMAM WEB: <http://www.doe.gov.my>
EMEL: selangor@doe.gov.my

A.R BERDAFTAR



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008 NO. SUIL: AR 5141

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (B) B91/110/633/518

Tarikh:

Jld. (76)

26 Mei 2015

Pengarah
Bahagian Keselamatan Dan Pasport
Jabatan Imigresen Malaysia
No 17, Tingkat 3 (Tower A)
Menara Ikhlas, Persiaran Perdana
Presint 3, 62000 Putrajaya

Tel: 03-8892 6171
Faks: 03-8892 6095

Tuan,

MEMOHON BANTUAN MENYEKAT DAN MENAHAN ORANG KENA SAMAN (OKS) DI SEMPADAN MASUK MALAYSIA.

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sedang mengambil tindakan mahkamah terhadap syarikat Charming Networks Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 693693-U) dan Syarikat Supreme Global Enterprise Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 871350-A) di atas kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Berdasarkan maklumat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), kedua-dua syarikat dimiliki oleh tiga orang individu yang sama yang merupakan warganegara asing. Serahan saman tidak dapat disempurnakan kerana syarikat tidak lagi beroperasi di alamat sepertimana di dalam dokumen SSM dan ketiga-tiga pengarah syarikat tersebut gagal dikesan.

3. Sehubungan itu, Jabatan ini ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada Jabatan tuan untuk **menyekat penama-penama seperti di para 4 daripada keluar daripada Malaysia ataupun menahan mereka sekiranya mereka memasuki sempadan Malaysia**. Ini bagi membolehkan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor untuk menjalankan tangkapan terhadap OKS tersebut di bawah peruntukan Seksyen 37C, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], dan membawa mereka ke mahkamah untuk didakwa.

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung)

4. Berikut disertakan Jadual 4.1, senarai nama pengarah-pengarah syarikat Charming Network Sdn. Bhd. dan Supreme Global Enterprise Sdn. Bhd untuk makluman dan tindakan lanjut pihak tuan:

Jadual 4.1: Senarai nama OKS untuk disekat dan ditahan.

Bil	Nama	No. Pasport
1.	Kuo Chih-Hsiung	096360244
2.	Kuo Wu, Li-Hsiang	306411434
3.	Kuo Marcus	097731107

5. Jabatan tuan boleh menghubungi saya selaku pegawai pendakwa Jabatan ini, Puan Zulaikha Binti Mokhtar di talian 03-5521 4139/ 012-791 6993. Pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sepertimana Jadual 5.1 di bawah boleh dihubungi bagi tujuan tangkapan sekiranya sekatan atau tahanan dapat dijalankan terhadap semua atau salah seorang pengarah syarikat.

Jadual 5.1: Senarai nama pegawai tangkapan Jabatan Alam Sekitar


	Nama	No telefon
1.	Rosli Bin Mustafa	03-5521 4090 / 013-235 4859
2.	Dasuki Loo Bin Abdullah	03-5521 4024 / 012-224 1640
3.	Ahmad Mazhar Bin Mansor	03-5521-4026 / 017-763 1200

6. Kerjasama daripada pihak Tuan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ZULAIKHA BINTI MOKHTAR)

b/p: Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor